

# Perwakilan bidas sikap ulama

BH- 1/6/2007

## Golongan agama dilihat tak mahir ilmu moden, takut menyampaikan kebenaran

**M**ACHANG: Golongan ulama dalam Pas dibidas kerana hanya pandai bercakap, tetapi tidak mendekati masyarakat serta mahir ilmu kehidupan pada zaman moden.

Perwakilan Pulau Pinang, Zulkifli Abdul Talib, berkata kebanyakan mereka kini menyeleweng fakta tanpa berusaha memperluaskan ajaran Islam kepada masyarakat.

"Ulama perlu turun padang, bukan hanya tumpu di masjid dan surau untuk menerangkan kepada masyarakat yang masih tidak begitu faham mengenai ajaran Islam sebenar.

"Kita perlukan ulama yang mahir ilmu moden dan bukan hanya pandai bercakap kerana sekarang ini ulama nak cari kedudukan dan pengaruh sehingga tidak menyampaikan ajaran Islam sebenar," katanya ketika membahaskan ucapan Ketua Dewan Ulama Pas Pusat, Datuk Harun Taib, sempena Muktamar Dewan Ulama Pas ke-46, yang berlangsung di

**"** Kita perlukan ulama yang mahir ilmu moden dan bukan hanya pandai bercakap kerana sekarang ini ulama nak cari kedudukan dan pengaruh "

**Zulkifli Abdul Talib**  
Perwakilan Pulau Pinang

Markas Dewan Ulama (Madu), dekat sini, semalam.

Zulkifli turut mempersoalkan ulama didakwa tidak berani berkorban untuk kepentingan agama kerana masing-masing takut menyampaikan kebenaran.

"Sebahagian ulama takut dengan ancaman. Kalau takut macam mana nak perjuangkan agama? Apa pengorbanan yang dilakukan pada jemaah kita? Ini yang perlu ditanya pada diri sendiri.

"Tugas kita ialah memberi pemahaman kepada masyarakat mengenai ajaran Islam sebenar, tapi ramai yang takut sehingga kadang-kadang, kita pula bertikam lidah," katanya.

Sementara itu, di Kota Bharu, Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib mengesahkan tidak menarik diri daripada bertanding jawatan Timbalan Presiden yang disandang Nasharuddin Mat Isa dalam muktamar parti itu, hari ini.

"Saya cuma menjaga perasaan ahli parti dan menerima sebarang keputusan dibuat perwakilan," katanya selepas merasmikan Muktamar Tahunan ke-53 Dewan Ulama Pas, di sini, malam kelmarin.

Pada majlis itu, Harun mengemukakan beliau tidak akan mempertahankan jawatan Ketua Dewan Ulama bagi membolehkannya memberi tumpuan kepada pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden.

Jawatan Ketua Dewan Ulama akan diisi timbalan ketua sekarang, Datuk Mohamad Daud, apabila seorang lagi calon yang juga mempunyai nama serupa, Dr Mohamad Daud, menarik diri kelmarin.

Keputusan Harun bertanding jawatan Timbalan Presiden meletakkan desas-desus kononnya be-



**SATU HATI:** Anggota perwakilan melaungkan takbir pada Muktamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Pusat ke-48 di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan Pengkalan Chepa, semalam.

liau akan menarik diri pada saat akhir bagi memberi laluan kepada Nasharuddin mengekalkan jawatan itu.

Walaupun saingan dua pemimpin itu dianggap sengit berikutan perbezaan latar belakang agama dan profesional, mereka yakin pertembungan itu tidak menyebabkan perpecahan.

Sementara itu, Nasharuddin yang ditemui selepas merasmikan Muktamar Dewan Pemuda Pas berkata, beliau menyerahkan kepada 1,125

anggota perwakilan dalam muktamar itu untuk menilai kepemimpinannya berdasarkan rekod perkhidmatan selama dua tahun menyandang jawatan itu.

"Saya tetap mempertahankan jawatan ini sekalipun dicabar Harun kerana dalam pertandingan dan perbezaan pendapat yang berlaku dalam Pas adalah tradisi.

"Saya menyerah kepada kebijaksanaan perwakilan menentukan kedudukan dalam cabaran ini kerana segala usaha dilakukan selama ini

bagi kebaikan dan masa depan parti," katanya.

Beliau berkata, sejak menduduki jawatan nombor dua itu, banyak perkara dilaksanakan demi kebaikan parti terutama kejayaan menukar persepsi masyarakat terhadap Pas yang pernah dianggap parti politik ekstrim.

Katanya, namun masih banyak lagi perkara yang dirancang tetapi belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pelbagai masalah termasuk kekangan masa.

BERNAMA